

**Ada variasi yang lebih canggih dan dikaitkan dengan taraf sosial tertentu dan ada yang sebaliknya.**

### **Kumpulan 51**

**Ketua Kumpulan : Andi Arnaisah Binti Andi Arnis (148634)**

Ahli Kumpulan :

Nur Effa Shafiza Binti Shamsudin (145566)

Siti Aisyah Faiqah Binti Amizan (145911)

Noor Izzatie Binti Arifin (148082)

Nur Auni Binti Mazlan (146615)

NAMA PEMBENTANG	MINIT	GAMBAR
Pembentang 1: Nur Effa Shafiza Binti Shamsudin (145566)	0.33-2.23	
Pembentang 2: Siti Aisyah Faiqah Binti Amizan (145911)	2.24-6.14	
Pembentang 3: <b>Andi Arnaisah Binti Andi Arnis (148634)</b>	6.15-9.45	
Pembentang 4: Noor Izzatie Binti Arifin (148082)	9.46-11.26	
Pembentang 5: Nur Auni Binti Mazlan (146615)	11.26-14.20	

# PENGENALAN

- Konsep asas diglosia telah diperkenalkan oleh Charles Albert Ferguson (1959).
- Diglosia merupakan konsep yang menerangkan situasi sesuatu masyarakat yang menggunakan dua variasi dari satu bahasa yang sama (*two distinct varieties of the same language*) untuk dua fungsi yang berbeza.
- Variasi tersebut dikenali variasi tinggi yang diberi tanda “H” (*high variety, H*) dan satu lagi variasi rendah yang diberi tanda “L” (*low variety, L*) (Ferguson, 1959:336; Spolsky, 1998:63; Holmes, 2008:27).



**NUR EFFA SHAFIZA  
BINTI SHAMSUDIN  
(145566)**

- Menurut takrifan Kamus Dewan, diglosia adalah kewujudan dua variasi bahasa dalam sesuatu Bahasa mengikut situasi.
- Menurut Romaine (1994), variasi H biasanya dianggap sebagai bahasa standard yang digunakan untuk memberi kuliah, membaca, penulisan atau tujuan penyiaran (*broadcasting*), manakala variasi L digunakan dalam interaksi yang kurang formal antara kawan dan ahli keluarga di rumah.
- Dapatlah dikatakan bahawa diglosia mewujudkan pemeringkatan bahasa yang tinggi (H) dan rendah (L) akibat tujuan atau fungsi penggunaannya dan dipengaruhi oleh kumpulan pengguna sesuatu bahasa itu dalam keadaan formal mahupun sebaliknya.



**NUR EFFA SHAFIZA  
BINTI SHAMSUDIN  
(145566)**

# ASPEK DIGLOSLIA OLEH FURGUSON – 9 TOPIK

- **Fungsi**

- Dalam suatu bahasa ada dua ragam yang berbeza iaitu bahasa tinggi [H] dan bahasa rendah [L]. Fungsi bahasa tinggi biasanya digunakan dalam situasi formal manakala bahasa rendah digunakan dalam situasi tidak formal seperti kekeluargaan dan kehidupan seharian.

- **Prestij**

- Berkait dengan sikap penutur. Bahasa tinggi lebih unggul manakala bahasa rendah dianggap rendah dan bahkan cenderung dihilangkan. Dalam konteks ini, prestij bermaksud rasa bangga dengan bahasa itu sendiri pada diri penuturnya.

- **Warisan tradisi - tulis menulis**

- Menunjukkan banyak dokumen yang ditulis menggunakan bahasa tinggi berbanding bahasa rendah.



SITI AISYAH FAIQAH  
BINTI AMIZAN  
[145911]

- **Pemerolehan bahasa**

- Bahasa rendah digunakan untuk berbicara dengan anak-anak dan digunakan oleh mereka sehingga bahasa rendah dipelajari secara normal dan tanpa sedar kerana mereka akan menggunakan bahasa rendah dalam kehidupan seharian manakala bahasa tinggi kebiasaannya dipelajari melalui cara Pendidikan formal.

- **Pembakuan/standardisasi**

- Oleh kerana topik yang lain seperti prestij dan lain-lain, bahasa tinggi lebih diutamakan dalam pembakuan atau standardisasi bahasa.

- **Stabiliti**

- Kedwibahasaan memang dikehendaki agar selalu ada dua ragam bahasa dipertahankan dalam satu masyarakat bahasa. Diglosia berkemungkinan tidak stabil tetapi ia cenderung berubah mengikut situasi dan ianya menjadikan bahasa yang lebih stabil.



**SITI AISYAH FAIQAH  
BINTI AMIZAN  
[145911]**

- **Tatabahasa**


- Banyak berlaku perbezaan sistem bahasa antara ragam bahasa tinggi dan bahasa rendah, walaupun kedua-duanya terdiri daripada bahasa yang sama.

- **Kosa kata/leksikal**

- Sebahagian besar kosa kata bagi ragam bahasa tinggi dan bahasa rendah memang sama, tetapi dalam situasi kedwibahasaan mahupun diglosia ada kosa kata yang terdapat dalam ragam bahasa tinggi, tetapi tidak ada dalam ragam bahasa rendah dan ada juga kosa kata yang bersinonim ( mempunyai erti yang sama).

- **Fonologi**

- Sistem bunyi ragam bahasa tinggi dan bahasa rendah membentuk suatu struktur fonologi yang berbeza.



**SITI AISYAH FAIQAH  
BINTI AMIZAN  
[145911]**

# FAKTOR PEMILIHAN BAHASA

1

Domain

2

Repertoir  
verbal penutur  
dan pendengar

3

Motivasi




ANDI ARNAISAH  
BINTI ANDI ARNIS  
(148634)



# DOMAIN


- Domain melakarkan tiga faktor yang penting dalam pemilihan bahasa, iaitu **peserta, latar dan topik**.
- Dengan membuat analisis maklumat yang diperolehi melalui domain, ia dapat merumuskan bahawa norma-norma penggunaan bahasa atau variasi bahasa dalam sesuatu komuniti dengan lebih mudah lagi.
- Domain membina sosio-budaya yang diambil daripada topik komunikasi, hubungan antara penyampai dan kawasan komunikasi sejajar dengan institusi sesebuah masyarakat
- Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris boleh dianggap sebagai bahasa yang bervariasi Tinggi bagi masyarakat Malaysia.



**ANDI ARNAISAH  
BINTI ANDI ARNIS  
(148634)**

# REPERTOIR VERBAL PENUTUR DAN PENDENGAR


- Pemilihan bahasa bagi seseorang yang bermultibahasa berkaitan rapat dengan kemahiran bahasanya.
- Semasa bertutur, penutur akan lebih cenderung memilih kod yang menduduki peringkat tinggi dalam repertoir verbalnya sekiranya dibandingkan dengan kod yang bertahap rendah dalam repertoir verbalnya, kecuali pendengar tidak menguasai kod tersebut
- Penutur menggunakan bahasa yang paling dikuasai atau bahasa yang paling difahami oleh pendengar dan bukan memilih bahasa yang paling dikuasai oleh penutur sendiri.
- Keadaan ini menunjukkan bahawa pemilihan bahasa penutur telah dihadkan oleh repertoir linguistik pendengar, walaupun penutur tersebut merupakan seorang yang bermultibahasa.



**ANDI ARNAISAH  
BINTI ANDI ARNIS  
(148634)**

# MOTIVASI

- Motivasi boleh dibahagikan kepada dua jenis:
  - (i) motivasi integratif yang bergantung kepada keinginan atau kemahuan diri
  - (ii) motivasi instrumental yang banyak dipengaruhi oleh faktor luaran misalnya manfaat yang boleh diterima.
- Lim (2008) dalam kajiannya mendapati bahawa remaja Melayu lebih kerap menggunakan bahasa Melayu dan jarang menggunakan bahasa Inggeris dalam domain keluarga, domain kejranaan, mahupun domain sekolah. Sebaliknya, remaja Cina dan remaja India lebih menggunakan pelbagai bahasa, misalnya bahasa etnik sendiri, dialek keluarga, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris berdasarkan domain yang berlainan.
- Akomodasi luaran ini telah menyebabkan sebahagian remaja Melayu kurang bermotivasi untuk menggunakan atau menguasai bahasa Inggeris, asalkan penggunaan hanya dalam bahasa Melayu sudah mencukupi bagi mereka.



**ANDI ARNAISAH  
BINTI ANDI ARNIS  
(148634)**

# KAITAN TARAF SOSIAL DENGAN BAHASA TINGGI DAN BAHASA RENDAH

- Kedudukan Bahasa Melayu - bahasa kebangsaan dan bahasa perhubungan.
- Penggunaan Bahasa Melayu sebagai alat utama komunikasi (pendidikan,keagamaan dan jual beli.)
- Wujud Bahasa Melayu standard dan dialek daerah.
- Bahasa Melayu standard – keadaan atau majlis formal atau ketika berhubung dengan penutur daripada dialek lain.
- Dialek daerah – tidak formal atau dalam kalangan dialek yang sama.
- Bahasa tinggi (**bahasa istana,bahasa formal,bahasa baku**)
- Bahasa rendah (**bahasa pasar,bahasa halus, dialek,bahasa kasar,bahasa mesra,bahasa basahan,bahasa tidak formal,pijin,kreol dan slanga**)

Contohnya: Masyarakat Orang Asli Semai menggunakan Bahasa Melayu dalam situasi tertentu khususnya dalam situasi formal seperti di sekolah dan di institusi keagamaan manakala dialek (Bahasa Semai) digunakan dalam lingkungan keluarga atau dalam kalangan suku kaum yang sama.



**NOOR IZZATIE BINTI  
ARIFIN (148082)**

# PENUTUP

Menurut Fishman (1967), Fasold (1990) dan Saxena (2014) menyatakan bahawa, konsep asas diglosia memang wujud.

Oleh sebab itu, hubungan (H) dan (L) perlu melihat kepada hubungan bahasa yang berlainan, bukan sahaja hubungan antara dua buah variasi bahasa.

H merujuk *high language yakni a very divergent, highly codified (often grammatically more complex) superposed variety* manakala L pula merujuk *the primary dialects as language (which may include a standard or regional standards)*, (Ferguson, 1959).

Di samping itu, pemilihan bahasa dalam masyarakat multibahasa berlaku dalam skala yang lebih luas.



**NUR AUNI BINTI  
MAZLAN  
(146615)**

# SAMBUNGAN..

Contohnya, konsep diglosia yang asalnya memayungi kebolehan dwidialek disesuaikan juga untuk menerangkan kebolehan dwibahasa menerusi frasa diglosia luas dan selanjutnya meneliti juga kebolehan mutibahasa.



**NUR AUNI BINTI  
MAZLAN  
(146615)**

Dapatlah dikatakan bahawa, diglosia mewujudkan pemeringkatan bahasa yang tinggi (H) dan rendah (L) akibat tujuan atau fungsi penggunaannya dan dipengaruhi oleh kumpulan pengguna sesuatu bahasa itu dalam keadaan formal mahupun sebaliknya. Hal ini ditegaskan oleh Denison.N. (1971) sebagai *'varieties of language within a community, specified according to use, (purpose or function), whereas dialects are specified according to group of users'*.

# RUJUKAN

Abd. Hadi Kudin & Karim Harun. (2017). “Diglosia” dan “Loyalti” Bahasa dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli Semai, 21(2), 048-059. <https://jurnal.plm.org.my/wp-content/uploads/2018/01/5..-Diglosia-dan-Loyalti-Bahasa-dalam-Kalangan-Masyarakat-Orang-Asli-Semai-.pdf>

Adnan Hussein & Kamaliah Siarap. (2000). *Penggunaan Teknologi Komunikasi Informasi di Kalangan Ahli Akademik di Malaysia. Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication*, (16), 119-130.

Mohamad Zaki Abdul Halim & Melor Fauzita Md. Yusof. (2016). *DIGLOSIA DALAM SALINA: SATU KAJIAN SOSIOLINGUISTIK*, (1), 571-578.

[https://www.researchgate.net/publication/317076687\\_DIGLOSIA\\_DALAM\\_SALINA\\_SATU\\_KAJIAN\\_SOSIOLINGUISTIK](https://www.researchgate.net/publication/317076687_DIGLOSIA_DALAM_SALINA_SATU_KAJIAN_SOSIOLINGUISTIK)

Noriah Mohamed dan Aniswal Abd Ghani. (2020). *SOSIOLINGUISTIK*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Ofelia García, Harold Schiffman & Zeena Zakharia. (1949). *Fishmanian Sociolinguistics*. Ofelia García.

<https://ofeliagarciadotorg.files.wordpress.com/2011/02/fishmanian-sociolinguistics.pdf>



# RUJUKAN

Petaipelik. (2009, May 5). *Diglosia*. Scribd.

<https://www.scribd.com/presentation/14969714/DIGLOSLIA>

Siti Ezaileila Mustafa & Azizah Hamzah. (2011). *Media Baharu yang Baharu: Trend Penggunaan Jaringan Sosial dalam Kalangan Pengguna di Malaysia*. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 13(2), 93-110.

Soo Yew Phong. (n.d.). *Laporan Penyelidikan*. UM Students' Repository.

<https://studentsrepo.um.edu.my/3391/5/Bab2.pdf>

Suhaimi Mohd Salleh. (2017). *Nota & Latihan STPM Bahasa Melayu (Penggal 3)* (1st ed.). Ilmu Bakti Sdn. Bhd.

